



KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2019 SIRI 2 MENGENAI AKTIVITI JABATAN NEGERI KELANTAN

1. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Perkara 107(2) pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.

2. LKAN Tahun 2019 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri bagi 13 negeri di Malaysia termasuk Negeri Kelantan telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 28 September 2021, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, LKAN ini

akan dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 2 Disember 2021.

3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1 Pengauditan Prestasi di Jabatan Negeri

Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa, iaitu The International Standards of Supreme Audit Institution (ISSAI) 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di Negeri Kelantan, iaitu Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri di Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan; serta Pengurusan Ubah Syarat dan Pemantauan Syarat Kegunaan Tanah di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas serta Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh.

3.1.1 Pengurusan Penyenggaraan Jalan Negeri di Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan bahawa pengurusan penyenggaraan jalan negeri telah mencapai sasaran output dan tahap keberhasilan bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Berdasarkan respons positif kajian kepuasan pelanggan yang diterima dan rekod

kemalangan Polis Diraja Malaysia, penyenggaraan jalan yang telah dilaksanakan menyumbang kepada keselesaan dan pengurangan bilangan kemalangan jalan raya. Di samping itu, sebanyak 95.4% daripada aduan yang diterima telah diambil tindakan oleh jabatan/agensi pelaksana. Bagi pengurusan penyenggaraan jalan pula, terdapat kelemahan dari aspek pengurusan bayaran kepada syarikat konsesi dan kelemahan pemotongan bayaran bagi kerja rutin R01.

3.1.2. Pengurusan Ubah Syarat dan Pemantauan Syarat Kegunaan Tanah di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas serta Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh

Secara keseluruhannya, pengurusan ubah syarat dan pemantauan syarat kegunaan tanah yang dilaksanakan adalah kurang cekap dan kurang berkesan. Keadaan ini menyebabkan objektif aktiviti bagi memastikan penggunaan tanah adalah sebagaimana yang didaftarkan serta kutipan hasil cukai tanah adalah sebagaimana kegunaan tanah sebenar tidak tercapai.

4. Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutupan juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 10 syor Audit dalam LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan Negeri Kelantan untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.

5. LKAN Tahun 2019 Siri 2 mengenai Aktiviti Jabatan Negeri Kelantan ini akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 2 Disember 2021. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 2 Disember 2021 selepas jam 12.00 tengah hari. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

2 Disember 2021
27 Rabiul Akhir 1443H